

29/02/2004

Mimpi ngeri, meracau-racau jadi calon

DEMAM pilihan raya umum membawa bersamanya bermacam-macam kegilaan. Sudah ada yang mengakui sukar melelepkan mata atau dihantui mimpi ngeri. Harus ramai juga yang meracau-racau dalam tidur diganggu kebimbangan kalau-kalau nama tidak tersenarai kali ini.

Lain pula halnya dengan mereka yang memasang hajat dicalonkan. Kononnya di negeri yang bakal ditandingi mereka sudah tidak ada lulusan menara gading hingga melayakkan mereka saja tertonjol sebagai calon pilihan.

Berbulan-bulan dulu merekalah yang menjaja cerita kononnya nama sudah naik untuk menjadi calon. Tetapi semakin hampir dengan pilihan raya, pijak semut pun tak mati, barangkali bimbang akan malu sendiri.

Sememangnya senario di setiap negeri berbeza-beza. Sambil di sebuah negeri memperlihatkan nama-nama besar teramat ghairah untuk bertanding kerusi Parlimen, sebuah negeri yang teramat hampir dengan pusat pentadbiran kerajaan di Putrajaya pula memberi gambaran berlawanan.

Kebanyakan wakil rakyatnya terlalu liat untuk berganjak daripada kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) - bukan sekadar takut hilang pengaruh atau publisiti, lebih daripada itu kemungkinan dilihat ramai sebagai turun pangkat pula.

Jika sudah ada seorang yang berseloroh mengenai perlunya mandi bunga, bukan menghairankan andainya ramai yang akan menuruti. Mengupah orang lain bersembahyang hajat, bernazar dan memasang pelbagai niat, semua itu adalah lumrah sebagai petanda pilihan raya umum sudah begitu hampir.

Sebagaimana ramai yang sebelumnya sangsi dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memacu negara selepas berakhirnya era kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad, kini keadaannya berbalik kepada ramai di kalangan mereka untuk dicurigai pula oleh Perdana Menteri.

Hingar-bingar di koridor Kompleks Perdana Putra sejak beberapa lalu membayangkan perubahan agak besar akan dilakukan terhadap senarai calon, terlebih lagi dari kelompok Umno, dengan kriteria utama bahawa hanya mereka yang mampu bertahan terhadap pengawasan teliti pengundi dari serba-serbi, akan tersenarai.

Tanpa sesiapa pun dapat menafikannya, produk terbaik di bawah jenama Barisan Nasional (BN) ialah Pak Lah sendiri. Dalam tempoh empat bulan mengambil alih kepemimpinan, sudah banyak yang dilakukan Perdana Menteri untuk mengembalikan gabungan itu pada tahap kekuatan kini, melebihi keadaan ketika pilihan raya umum 1999.

Tiada isu besar yang dapat dieksploitasi pembangkang selain perangkaan positif ekonomi yang boleh dijadikan barometer terhadap keupayaan BN untuk menjanjikan masa depan yang lebih cerah terhadap rakyat tanpa mengira kaum di negara ini.

Dalam pada itu, bukanlah pilihan raya kali ini akan diharungi tanpa kepayahan, apatah lagi banyak perkara yang perlu diambil kira dalam mendapatkan bukan saja mandat baru, malah mandat yang lebih besar pula agar segala yang dirancangkan terlaksana.

Barangkali ramai yang terpedaya apabila melihat Pak Lah meninggalkan pejabatnya pada jam 7.30 malam sepanjang dua atau tiga hari lalu, hanya untuk Perdana Menteri kembali semula ke Kompleks Perdana Putra sejam kemudian tanpa disedari dan berlarutan hingga ke dinihari bagi menemui pemimpin parti komponen BN yang sudah diatur jadual kedatangan mereka.

Tentunya ia akan mempermudah sedikit keadaan baginya jika pertelingkahan mengenai senarai calon dapat diminimumkan. Sebarang

`pengumuman' oleh mana-mana calon untuk bertanding di kawasan pilihan mereka - seolah-olah mendahului keputusan Pak Lah - hanya akan menyulitkan keadaan.

Andainya diakui sudah banyak kejutan yang dilakukan Perdana Menteri sejauh ini, tiada siapa yang boleh berasa pasti tiada kegemparan yang bakal menyusul daripada Pak Lah dalam waktu terdekat ini.